

BERITA PEJABAT AUDIT DALAM

5/2023

Suriyanty Kasban

Lawatan Kerja Pejabat Audit Dalam UTeM Ke Bahagian Audit Dalam UPM

Rabu, 17 Mei 2023.

SERDANG: Pejabat Audit Dalam, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan lawatan kerja ke Bahagian Audit Dalam, Universiti Putra Malaysia. Lawatan ini turut disertai Unit Audit Dalam, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Objektif lawatan ini adalah bagi menimba pengalaman daripada UPM mengenai program Audit dan teknik pengauditan terkini yang digunakan dalam melaksanakan pengauditan.

Melalui lawatan ini juga, para peserta diberi kesempatan untuk beramah mesra, berbincang dan berkongsi pengalaman serta mengukuhkan lagi ukhuwah persaudaraan yang telah lama terjalin.

Sesi ini diadakan secara santai bertempat di *Thinker Space* Fakulti Kejuruteraan. Lawatan bermula dari jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang. Secara keseluruhannya, lawatan ini berjaya mengeratkan lagi jaringan hubungan di antara kedua-dua organisasi.

